

# BISLAN TABLET

Bromhexine Hydrochloride (8mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BISLAN TABLET
2. Bagaimana BISLAN TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan BISLAN TABLET
4. Cara menggunakan BISLAN TABLET
5. Semasa menggunakan BISLAN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BISLAN TABLET
8. Maklumat produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan BISLAN TABLET

BISLAN TABLET digunakan dalam rawatan gangguan saluran pernafasan yang berkaitan dengan lendir pekat atau berlebihan.

## Bagaimana BISLAN TABLET berfungsi

BISLAN TABLET bertindak ke atas lendir pada peringkat pembentukan lendir di dalam sel-sel kelenjar. Bromhexine mengganggu struktur lendir dan menghasilkan lendir yang kurang likat dan lebih senang dibatuk keluar.

## Sebelum Mengambil BISLAN TABLET

### - Bila tidak boleh mengambil

Apabila anda alah terhadap bromhexine hydrochloride atau bahan lain yang terkandung dalam produk ini.

### - Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Tiada interaksi antara BISLAN TABLET dengan ubat-ubatan yang lain yang diketahui.

## Cara menggunakan BISLAN TABLET

### - Berapa banyak harus diambil

Untuk dewasa: 1 biji tiga kali sehari  
Untuk kanak-kanak: 5-10 tahun, ½ biji, empat kali sehari. Bawah 5 tahun, ambil ½ biji dua kali sehari.

### - Bila perlu diambil

BISLAN TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

### - Berapa lama perlu diambil

BISLAN TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda

### - Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### - Jika terambil secara berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

## Semasa menggunakan BISLAN TABLET

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

BISLAN TABLET harus diberi secara berhati-hati kepada orang yang mempunyai ulser gastrik kerana ubat penipisan lendir boleh mengganggu lapisan gastrik .

## Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan bromhexine termasuk loya, hilang selera makan, ketidakelesaan perut, sakit kepala atau alahan seperti ruam kulit dan kegatalan.

BISLAN TABLET boleh menyebabkan alahan teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan BISLAN TABLET dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

1) Alahan yang teruk: kesukaran bernafas, pening, pembengkakan kulit atau ruam.

2) Reaksi kulit yang teruk: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel.: 03-78835550, atau laman web [nppra.moh.gov.my](http://nppra.moh.gov.my) (*Public*→ *Reporting side effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan BISLAN TABLET

### - Cara penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan. Simpan dalam bekas kedap udara.

### - Cara pelupusan

BISLAN TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah melepasi tarikh luput. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

## Maklumat produk

### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna putih dengan satu permukaan ditandakan dengan “+”.

### - Bahan aktif

Bromhexine hydrochloride

### - Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose  
Lactose  
Sodium Starch Glycolate  
Magnesium Stearate  
Magnesium Aluminium Silicate

### - Nombor MAL

MAL 19984049XSZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.  
Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP:

14/05/2018

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)230418/00116